

**AMALAN PENERAPAN NILAI PENDIDIKAN UMUM
DALAM KALANGAN
GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH:
SATU KAJIAN KES**

SIVAGAMI SUNDARI A/P THRUVANKADAM

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MATEMATIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan penerapan nilai pendidikan umum oleh guru matematik dalam pengajaran penyelesaian masalah. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini yang melibatkan kajian kes. Sampel kajian melibatkan tiga orang guru matematik terlatih yang mengajar Tahun Lima dari sebuah sekolah rendah Tamil di daerah Hulu Selangor. Pemerhatian pengajaran terhadap peserta kajian telah dilakukan sebanyak tiga kali dan sesi temu bual telah diadakan sebelum dan selepas sesi pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai kefahaman yang setara mengenai nilai. Kesemua guru menganggap nilai yang diterapkan sebagai nilai pendidikan umum. Walaupun perancangan nilai tidak dinyatakan secara bertulis dalam rekod pengajaran harian guru tetapi ianya dinyatakan secara lisan ketika ditemu bual dalam sesi pra pengajaran. Penerapan nilai terlaksana secara tersirat melalui amalan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kesemua nilai yang diterapkan adalah berkaitan dengan perkembangan diri. Walau bagaimanapun guru-guru telah menghadapi beberapa kekangan dalam melaksanakan amalan penerapan ini. Kesimpulannya amalan penerapan nilai pendidikan umum tidak berlaku secara menyeluruh dalam pengajaran bilik darjah. Hasil kajian ini memberi input kepada para pendidik matematik dan pendidikan di Malaysia bahawa perancangan nilai merupakan aspek yang penting dalam pengajaran guru. Kajian ini memberi kesedaran kepada para pendidik supaya mendalami dan memahami kesemua bidang pembelajaran yang termaktub dalam nilai pendidikan umum agar dapat melahirkan modal insan mengikut hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

**THE PRACTICE OF INCULCATING THE GENERAL
EDUCATION VALUES AMONG PRIMARY SCHOOL
MATHEMATICS TEACHER: A CASE STUDY**

ABSTRACT

The purpose of this study was to determine the general educational value which was inculcated by Mathematics teachers in teaching problem solving. A qualitative case study methodology has been selected to help deepen the understanding of this value. This case study comprised of three trained Mathematics teachers who teach Year Five from a Tamil primary school in Hulu Selangor. Observations of the key participants were performed three times and interviews were conducted before and after the teaching sessions. Results showed that teachers have similar understanding about this value. The participants consider values which are inculcated as the general education values. Although the general educational value was not specifically written in their daily lesson plan but they responded verbally when interviewed in pre teaching sessions. Values were inculcated implicitly by the practice of classroom teaching and learning. All values that were applied are related to self development. However, teachers have faced several constrains in implementing these practices. In conclusion, the practice of inculcating the general education value does not occur thoroughly in the classroom. The results of this study have raised a flag for Mathematics educators and education in Malaysia that value planning is an important aspect of teaching. This study also creates an awareness among educators so that they will deepen and understand all areas of learning embodied in the general education values

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Kerangka Konsep	7
1.4	Tujuan Kajian	11
1.5	Soalan Kajian	10
1.6	Definisi Istilah	11
1.6.1	Nilai	11
1.6.2	Nilai Pendidikan Umum	12
1.6.3	Pengajaran	13
1.6.4	Penyelesaian Masalah	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Kepentingan Kajian	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Konsep Nilai	18
2.3	Nilai Pendidikan Umum	20
2.3.1	Aspek nilai-nilai murni	21
2.4	Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Bilik Darjah	23
2.5	Peranan Sekolah Dalam Penerapan Nilai	25
2.6	Konflik Nilai Dalam Kalangan Guru	26
2.7	Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Bilik Darjah	28
2.8	Kefahaman Nilai Dalam Kalangan Guru	29
2.9	Kerangka Teori	32
2.10	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	38
3.3.1	Pemerhatian	39
3.3.2	Temu Bual Secara Mendalam	39
3.3.3	Analisis Dokumen	42
3.4	Peserta Kajian	42
3.5	Instrumen Kajian	44

3.6	Tatacara Pengumpulan Data	46
-----	---------------------------	----

3.6.1	Temu Bual Pra Pengajaran	46
-------	--------------------------	----

3.6.2	Pemerhatian Pengajaran	47
-------	------------------------	----

3.6.3	Temu Bual Pasca Pengajaran	49
-------	----------------------------	----

3.7	Kajian Rintis	50
-----	---------------	----

3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	52
-----	------------------------------	----

3.9	Penganalisisan Data	56
-----	---------------------	----

3.9.1	Pengekodan Daripada Sumber Dokumen	57
-------	------------------------------------	----

3.9.2	Pengekodan Daripada Sumber Transkrip	
-------	--------------------------------------	--

Temu Bual	58
-----------	----

3.9.2.1 Temu Bual Pra Pengajaran	58
----------------------------------	----

3.9.2.2 Temu Bual Pasca Pengajaran	58
------------------------------------	----

3.9.3	Pengekodan Daripada Sumber Rakaman Video	59
-------	--	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	60
-----	-------------	----

4.2	Peserta Kajian	61
-----	----------------	----

4.2.1	Kes Sham	61
-------	----------	----

4.2.2	Kes Dian	62
-------	----------	----

4.2.3	Kes Pam	63
-------	---------	----

4.3	Persoalan Kajian 1: Apakah Kefahaman Guru Matematik Tahun Lima Mengenai Nilai?	64
-----	---	----

4.4 Persoalan Kajian 2:Apakah Nilai Yang Dirancang

Oleh Guru Matematik Tahun Lima Dalam Pengajaran
Penyelesaian Masalah ?

67

4.5 Persoalan Kajian 3:Apakah Nilai yang Diterapkan Oleh

Guru Matematik Tahun Lima Dalam Pengajaran

Penyelesaian Masalah?

72

4.6 Persoalan Kajian 4:Apakah Kekangan Yang Dihadapi

Oleh Guru Matematik Tahun Lima Dalam Menerapkan

Nilai Dalam Pengajaran Penyelesaian Masalah?

114

4.6.1 Kekangan Dalam Merancang Nilai

114

4.6.2 Kekangan Dalam Melaksanakan Penerapan Nilai

Di Bilik Darjah

117

4.7 Kesimpulan

124

4.8 Analisis Merentas Peserta

130

4.8.1 Kefahaman Guru Mengenai Nilai

130

4.8.2 Nilai Yang Dirancang

131

4.8.3 Pelaksanaan Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Bilik

Darjah

132

4.8.4 Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Penerapan

Nilai Di Bilik Darjah

135

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

137

5.2 Rumusan

138

5.2.1	Kefahaman Guru Tentang Nilai	138
5.2.2	Nilai Yang Dirancang	139
5.2.3	Penerapan Nilai Di Bilik Darjah	140
5.2.4	Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Penerapan Nilai Di Bilik Darjah	140
5.3	Perbincangan	141
5.3.1	Kefahaman Guru Tentang Nilai	141
5.3.2	Nilai Yang Dirancang	143
5.3.3	Penerapan Nilai Dalam Pengajaran	145
5.4.4	Kekangan Yang Dihadapi Dalam Penerapan Nilai Di Bilik Darjah	148
5.4	Implikasi Kajian	152
5.4.1	Implikasi Kepada Murid	152
5.4.2	Implikasi Kepada Pengajaran Dan Pembelajaran	154
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	155
5.6	Rumusan	156
	RUJUKAN	158

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

No.Jadual	Muka Surat
2.1	Nilai Pendidikan Umum 23
4.1	Rumusan Makna Nilai Mengikut Pengertian Sham 124
4.2	Nilai Yang Dirancang Oleh Sham 125
4.3	Rumusan Makna Nilai Mengikut Pengertian Dian 126
4.4	Nilai Yang Dirancang Oleh Dian 127
4.5	Rumusan Makna Nilai Mengikut Pengertian Pam 128
4.6	Nilai Yang Dirancang Oleh Pam 128
4.7	Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Sham, Dian Dan Pam 132

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep Penerapan Nilai Oleh Guru Matematik Dalam Pengajaran Bilik Darjah	8
2.1 Domain Afektif: Objektif Dan Sistem Nilai	33
3.1 Pengumpulan Data Bagi Setiap Proses Pengajaran Bilik Darjah	46
3.2 Pelan Temu Bual	47
3.3 Pelan Rakaman Video	49
4.1 Contoh Soalan Yang Diberikan Dari Buku MIED	77
4.2 Hasil Kerja Murid Sham (1)	86
4.3 Contoh Soalan Yang Diberikan Oleh Dian	87
4.4 Contoh Soalan Yang Diberikan Oleh Pam (1)	91
4.5 Contoh Latihan Yang Diperiksa Oleh Pam	94
4.6 Hasil Kerja Murid Sham (2)	96
4.7 Hasil Kerja Murid Pam (1)	98
4.8 Hasil Kerja Murid Pam (2)	99
4.9 Contoh Soalan Yang Diberikan Oleh Pam (2)	102
4.10 Hasil Kerja Murid Dian	103
4.11 Rekod Pengajaran Harian Sham	106
4.12 Rekod Pengajaran Harian Dian	107
4.13 Rekod Pengajaran Harian Pam	108

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu wahana yang mampu membentuk serta melahirkan generasi sesebuah negara. Untuk mencapai hasrat tersebut kita perlulah mengikut satu garis panduan yang dihayati oleh para cendekiawan negara. Selaras dengan itu, sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan kita sebagai pegangan untuk melahirkan generasi muda negara ini. Hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia dapat direalisasikan dengan penghayatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Selaras dengan hasrat dan cita-cita ini Falsafah Pendidikan Negara

dipernyatakan seperti berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989):

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini, adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.(Halaman IV)

Pernyataan Falsafah Pendidikan Negara ini menegaskan bahawa sistem pendidikan negara memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan insan yang baik, berdasarkan kepercayaan, keyakinan serta kepatuhan kepada Tuhan.

Justeru sistem pendidikan Negara kita, bukannya hanya sekadar melahirkan insan yang seimbang berdasarkan konteks jasmani, emosi, rohani dan intelek. Malah ianya lebih mengutamakan amalan nilai yang menyeluruh pada diri setiap individu bukan hanya dalam sebutan hasrat tetapi juga intelek. Pembentukan sebuah negara bangsa hendaklah berdasarkan sistem pendidikan negara tersebut. Walau bagaimana pun, perlu wujud kerjasama antara guru, ibu bapa dan murid dalam merealisasikan matlamat ini. Di sini, guru bertindak sebagai agen pembentuk bangsa perlu berwaspada dalam arus pembangunan pendidikan. Sebagai warga pendidik yang memikul hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia, seorang guru perlu bijak mentafsir dan mengaplikasikan hasrat dan nilai yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara dalam membentuk generasi yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap impian negara.

1.2 Pernyataan Masalah

Amalan pendidikan telah mengalami reformasi semenjak zaman Yunani Purba (Nelson, Palonsky, & McCarthy, 2004). Di Malaysia juga berlakunya reformasi pendidikan dari masa ke semasa. Di negara kita, Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang diperkenalkan pada tahun 1983 telah ditukar menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah pada tahun 1994 untuk mencerminkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah ini juga disemak semula pada tahun 2003 kerana dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Kini pembangunan kurikulum telah dilakukan sekali lagi. Kurikulum sekolah rendah menjadi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pembaharuan ini dilaksanakan selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu untuk membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. Selain itu tujuan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan untuk memperkembangkan potensi individu murid secara holistik bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan menghadapi cabaran semasa dan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa sistem pendidikan negara kita lebih mengutamakan penerapan nilai dalam semua aspek perkembangan murid.

Selaras dengan perkembangan pendidikan yang berlaku secara sejagat, Malaysia memberi dimensi 'baru' ke atas proses pengajaran matematik di sekolah.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang diperkenalkan kini, turut memberi

tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru-guru diharapkan akan mengubah suai corak pengajaran mereka yang tidak seimbang, iaitu guru bersifat aktif manakala murid bersifat pasif. Kurikulum ini menuntut guru bertindak sebagai pembimbing yang dinamik, kreatif dan produktif dan bukan pengisi gelas kosong (Nik Azis, 2003). Di sini guru sebagai pendidik perlu peka kepada perkembangan pendidikan dan harus mengubah gaya pengajaran dan pembelajaran mereka ketika berhadapan dengan murid. Melalui reformasi pendidikan, perancangan kurikulum telah dirombak semula agar memberi peluang yang sama kepada setiap murid bagi mendapat pengetahuan serta menghayati nilai murni yang diperlukan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Dalam meneliti perkara ini, didapati bahawa guru-guru harus memahami, memberi komitmen, mempunyai iltizam yang tinggi, dan memainkan peranan penting bagi meningkatkan kualiti pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Justeru guru-guru matematik perlu memahami dan mendalami kurikulum matematik sekolah rendah sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran guru matematik harus mengutamakan kesemua objektif kurikulum matematik. Kesemua objektif kurikulum matematik mungkin akan dapat dicapai jika penerapan nilai digabungkan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran guru di bilik darjah. Pengajaran guru yang bermakna berlaku apabila pengajaran guru memusatkan kepada penerapan nilai secara eksplisit ataupun implisit. Menurut kajian Mohd Uzi (2007) didapati bahawa kesemua guru yang dikaji tidak melaksanakan penerapan nilai pendidikan secara eksplisit. Kesemua guru yang terlibat dalam kajian menjelaskan tentang penerapan nilai pendidikan matematik dalam pengajaran hanya setelah ditanya dalam temu bual pra pengajaran dan pasca

pengajaran. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa amalan guru merupakan perkara penting dalam melaksanakan penerapan nilai di bilik darjah.

Penghayatan nilai merupakan salah satu objektif utama sistem pendidikan negara kita (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Oleh itu, keupayaan guru untuk membentuk satu wawasan yang jelas tentang penghayatan nilai banyak bergantung kepada kebolehan guru berfungsi sebagai agen adaptif, iaitu individu yang mempunyai daya ubahsuaian yang tinggi. Bagaimanapun untuk menjadi agen adaptif dalam konteks bilik darjah, guru perlu mempunyai pengetahuan yang cukup luas. Guru perlu mendalami tentang nilai pendidikan di samping pengetahuan pedagogi dan psikologi pendidikan. Pemahaman yang mendalam tentang peranan guru sebagai agen perubahan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan matematik sangat penting. Oleh itu, guru telah menjadi satu tumpuan penting bagi kajian dalam pendidikan matematik (Beswick, 2007) dan perkara yang dikaji termasuklah konsepsi, kepercayaan, nilai, emosi, sikap, dan pengetahuan guru.

Satu perkara yang penting dalam pendidikan nilai di Malaysia ialah nilai hendaklah diajar sebagai satu bidang ilmu yang bersifat bersepadu seperti “himpunan benang yang ditenun untuk membentuk sehelai kain yang lebar” dan bukan sebagai peraturan mahupun prosedur tampalan yang bersifat deskriptif. Seterusnya untuk menghasilkan sesuatu yang berfaedah, nilai perlu diajar dalam konteks yang relevan dan bermakna kepada murid (Nik Azis, 1996). Amalan pengajaran seorang guru dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengetahuan tentang matematik, pengetahuan tentang pengajaran, pengetahuan tentang pengajaran dan pembelajaran matematik, kurikulum yang digunakan, matlamat yang hendak dicapai, suasana sosiobudaya, dan

konteks pengajaran dan pembelajaran (Speer, 2005). Apabila melihat kenyataan ini, wujud persoalan sama ada perkara ini berlaku secara realiti atau tidak?

Dewasa ini, terdapat pelbagai kajian yang dijalankan tentang perkembangan nilai dalam bidang pendidikan matematik (Bishop, 1988, 2002, 2008 ; Ernest, 1995; Sharifah, 2003). Penulisan ilmiah dan kajian lepas tentang nilai dalam matematik banyak bertumpu kepada kepentingan mengkaji nilai (Nik Azis, 2008, 2007; Lancaster, 2001; Fatimah Saleh, 2007; Nik Azis, 1996). Terdapat kajian yang berfokus kepada nilai yang diamalkan dalam bilik darjah iaitu sewaktu pengajaran dan pembelajaran matematik. Kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman pendidikan matematik di sekolah mempengaruhi penerapan nilai dalam kalangan pelajar (Bishop, FitzSimons, Seah & Clarkson, 2001).

Dalam arus perkembangan pendidikan di Malaysia, masih terdapat kekeliruan mengenai kefahaman konsep nilai dalam pengajaran matematik. Menurut kajian Sharifah Norul Akmar (2003), guru masih tidak faham makna nilai dan guru lebih mementingkan penguasaan konsep dan kemahiran matematik. (Bishop, FitzSimons, Seah & Clarkson, 2001). Didapati guru masih sukar mengaitkan nilai dalam pengajaran matematik. Beliau berpendapat bahawa guru perlu memahami apa yang dimaksudkan nilai matematik dan falsafah matematik di negara ini. Dalam kajian Wan Zah (2005) dan Seah (2003) terdapat kekeliruan tentang kefahaman guru tentang nilai matematik. Kebanyakan guru yang dikaji menganggap nilai matematik sebagai nilai murni, nilai intrinsik dan nilai yang berguna dalam kehidupan. Keadaan sebegini dianggap bahawa tidak sihat untuk perkembangan pendidikan matematik di negara ini.


Memandangkan masih sedikit kajian yang dijalankan tentang nilai pendidikan umum yang diterapkan oleh guru matematik di negara ini maka, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan penerapan nilai pendidikan umum dalam guru matematik sekolah rendah.

1.3 Kerangka Konsep

Seorang guru harus merancang pengajaran beliau terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran beliau. Sewaktu merancang aktiviti pengajaran guru harus merancang jenis nilai yang akan diterapkan dalam pengajaran bilik darjah. Mungkin nilai-nilai yang dirancang akan diterapkan secara eksplisit atau implisit dalam pengajaran bilik darjah. Adakalanya, pengajaran yang dirancang oleh guru, tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya. Keadaan wujud apabila penerapan nilai dalam pengajaran guru dipengaruhi oleh nilai yang dibawa oleh murid, kurikulum, pentadbir dan ibu bapa (Lim & Fatimah Salleh, 2002).

Wujud konflik dalam penerapan nilai walaupun persediaan pengajaran guru dirancang terlebih dahulu. Pertamanya adalah konflik dalam penerapan nilai keterbukaan sama dilaksanakan sepenuhnya atau tidak. Kedua konflik pemilihan strategi bagi penerapan nilai kebolehcapaian dan ketiga konflik antara dua jenis nilai, sama ada nilai aktivis atau formalistik (Mohd Uzi, 2007).

Maka kajian ini memfokuskan kepada amalan penerapan nilai dalam pengajaran penyelesaian masalah oleh guru matematik sekolah rendah. Dalam kajian ini, penerapan nilai yang berlaku di bilik darjah akan dikaji dari sudut nilai pendidikan umum. Penerapan nilai merupakan aspek yang perlu diutamakan ketika guru menyampaikan isi pelajaran kepada murid. Rajah 1.1 menggambarkan konsep kajian mengenai penerapan nilai oleh guru matematik dalam pengajaran di bilik darjah.



Rajah 1.1. Kerangka konsep penerapan nilai oleh guru matematik dalam pengajaran di bilik darjah

Berdasarkan kerangka konsep yang dibina melalui Rajah 1.1, nilai yang diberi keutamaan dalam kajian ini adalah nilai pendidikan umum. Penerapan nilai ini dikaji dari suasana bilik darjah yang melibatkan tiga aspek utama iaitu; murid, guru dan kandungan kurikulum matematik itu sendiri. Ketiga-tiga aspek yang dinyatakan dalam

kerangka konsep saling berkait antara satu sama lain. Penerapan nilai yang berlaku di bilik darjah saling bergantung pada peranan serta penglibatan guru dalam melaksanakan sesi pengajaran bilik darjah. Penglibatan murid memainkan peranan utama ketika berlakunya penerapan nilai dalam sesi pengajaran bilik darjah. Selain itu kandungan kurikulum juga memainkan peranan penting sewaktu guru merancang penerapan nilai di bilik darjah. Ketiga-tiga perkara ini saling berkait antara satu sama khasnya apabila berlaku penerapan nilai di bilik darjah.

Nilai pendidikan umum di Malaysia dikenali sebagai nilai murni. Nilai pendidikan umum ini memainkan peranan dalam pembentukan dan pengembangan watak yang baik di mana nilai ini tidak berkaitan secara langsung dengan kandungan kurikulum matematik tetapi ianya berkaitan dengan pendidikan menyeluruh. Terdapat enam belas nilai pendidikan umum yang diterapkan dalam sistem pendidikan sekolah rendah di negara ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Antara nilai yang digariskan oleh sistem pendidikan adalah nilai kejujuran, keadilan, kecantikan, kesederhanaan dan sebagainya. Nilai pendidikan umum untuk sekolah rendah adalah berdasarkan kepada Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000) yang mengandungi lima bidang pembelajaran iaitu:

- i. Nilai berkaitan dengan Perkembangan Diri
- ii. Nilai berkaitan dengan Diri dan Keluarga
- iii. Nilai berkaitan dengan Diri dan Masyarakat
- iv. Nilai berkaitan dengan Diri dan Alam Sekitar
- v. Nilai berkaitan dengan Diri dan Negara

1.4 Tujuan Kajian

Kurikulum matematik sekolah rendah di Malaysia memberi keutamaan kepada pembentukan asas ilmu matematik berdasarkan salah satu objektifnya iaitu menghargai keindahan matematik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Satu bidang yang berkait dengan aspek menghargai keindahan matematik adalah wujudnya penerapan nilai dalam pengajaran guru matematik. Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan kepada amalan penerapan nilai dalam pengajaran matematik agak kurang di negara kita. Dengan ini kajian ini bertujuan menerokai dan mendalami amalan penerapan nilai dalam pengajaran penyelesaian masalah oleh guru matematik sekolah rendah dalam pengajaran di bilik darjah.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian yang dinyatakan, kajian ini dijalankan untuk meneliti persoalan asas seperti yang berikut:

- i. Apakah kefahaman guru matematik Tahun Lima tentang nilai?
- ii. Apakah nilai yang dirancang oleh guru matematik Tahun Lima dalam pengajaran penyelesaian masalah?
- iii. Apakah nilai yang diterapkan oleh guru matematik Tahun Lima dalam pengajaran penyelesaian masalah?
- iv. Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru matematik Tahun Lima dalam menerapkan nilai dalam pengajaran penyelesaian masalah?

Berdasarkan kepada soalan-soalan di atas, pengkaji merasakan soalan kajian ini akan membantu dalam memandu hala tuju kajian agar memperoleh hasil dapatan kajian yang relevan dengan tajuk kajian.

1.6 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah asas yang digunakan dalam kajian ini. Tiga istilah tersebut adalah nilai, pengajaran, dan penyelesaian masalah. Dalam literatur, terdapat pelbagai definisi yang berbeza tentang nilai. Berikut adalah definisi bagi nilai, pengajaran dan penyelesaian masalah.

1.6.1 Nilai

Nilai merujuk kepada sebarang perkara yang dianggap penting, berharga, berguna atau mustahak. Nilai ini dikaitkan sebagai satu set prinsip, standard atau pegangan yang dianggap penting atau berharga oleh seseorang atau masyarakat (Nik Azis, 2007). Di dalam bidang pendidikan, istilah nilai digunakan untuk mewakili kriteria bagi menentukan aras kebaikan, kepentingan, keindahan, kualiti atau kegunaan sesuatu perkara. Keutamaan nilai ialah perkara yang dianggap sebagai berguna dalam memenuhi keperluan diri (Nik Azis, 2008). Menurut Kamus Dewan (2002), nilai bermaksud sifat ketinggian (pemikiran, agama dan kemasyarakatan). Menurut Tunku Sarah (2001) nilai merupakan idea abstrak dan murni yang melibatkan emosi dan rohani. Dalam konteks kajian ini, nilai merujuk kepada prinsip

mahupun pandangan seseorang guru sebagai kriteria diri sendiri. Ia boleh diwakilkan sama ada pegangan positif ataupun negatif mengenai sesuatu perkara.

1.6.2 Nilai Pendidikan Umum

Nilai pendidikan umum merupakan nilai murni yang digariskan dalam sistem pendidikan kita. Menurut, Nik Azis (2008) nilai pendidikan umum dibahagikan kepada empat jenis yang berasingan iaitu nilai asas, nilai teras, nilai utama dan nilai kembangan. Setiap kategori mengandungi dua jenis nilai, iaitu nilai hayati dan nilai hindari. Nilai asas ini berlandaskan kepada keimanan. Manakala nilai utama, nilai kembangan, dan nilai teras pula berasaskan kepada konteks tanggungjawab kepada diri sendiri, tanggungjawab kepada alam sekitar dan tanggungjawab kepada orang lain. Nilai pendidikan umum adalah nilai yang berkaitan dengan pembentukan tingkah laku dalam kehidupan seharian. Contohnya, penerapan nilai ini seringkali diterapkan secara terbuka dalam amalan pendidikan di bilik darjah. Perlakuan guru yang menegur murid supaya mengutip sampah yang berada di bawah meja murid merupakan amalan penerapan nilai kebersihan yang biasa dilakukan oleh guru ketika berada di bilik darjah. Dalam kajian ini, nilai pendidikan umum merujuk kepada nilai moral, etika, atau akhlak yang dikembangkan melalui pendidikan matematik. Nilai tersebut tidak berkaitan dengan secara langsung dengan pengetahuan matematik.

1.6.3 Pengajaran

Istilah pengajaran membawa maksud satu usaha yang dilakukan oleh guru untuk membantu murid membina dan mengembangkan pengetahuan matematik. Pengajaran matematik merupakan satu aktiviti untuk membimbing murid untuk membina ilmu matematik melalui proses penyertaan aktif, abstraksi, refleksi, penghargaan. Pengajaran dalam kajian ini juga merupakan satu prosedur kerja yang terancang dengan adanya objektif khusus bagi membantu murid-murid mempelajari sesuatu ilmu. Ia perlu dilakukan oleh guru dengan sistematik agar murid-murid dapat menerima serta memahami kandungan pelajaran.

1.6.4 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah didefinisikan sebagai proses mendapatkan jawapan atau menggunakan pendekatan baru yang melibatkan lebih dari satu aplikasi peraturan mudah dan menggunakan strategi tertentu yang pernah dipelajari (Jerome, 2007). Istilah penyelesaian masalah merupakan satu langkah yang sistematik dalam mengenal pasti masalah, mencari hubungan dan menentukan prosedur yang betul dalam menyelesaikannya. Penyelesaian masalah selalunya melibatkan konsep pemikiran yang bersifat analisis dan sintesis. Dalam kajian ini, penyelesaian masalah matematik adalah soalan atau situasi yang pelajar terima sebagai cabaran dan berusaha mencari jawapan dengan menggunakan langkah-langkah dan strategi yang sesuai untuk mendapatkan jawapan dengan betul.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Limitasi pertama adalah kaedah pengumpulan data yang melibatkan rakaman video dan temu bual secara mendalam. Kaedah temu bual secara mendalam memerlukan kecekapan pengkaji mengemaskinikan dan mentafsirkan tingkah laku guru. Pengkaji perlu membiasakan diri dengan soalan-soalan temu bual secara spontan. Semasa melakukan sesi pemerhatian pengajaran di bilik darjah, pengkaji perlulah mahirkan diri dengan penggunaan alat perakam video. Oleh itu, latihan penggunaan alat perakam video dibuat untuk memahirkan pengkaji dalam penggunaan alat perakam video.

Limitasi yang kedua adalah tajuk pengajaran guru. Kajian ini hanya memberi fokus kepada amalan penerapan nilai pendidikan umum dalam pengajaran guru matematik sekolah rendah. Hanya topik pengajaran penyelesaian masalah matematik sahaja diberi tumpuan oleh pengkaji. Selain itu, limitasi dari segi fokus kajian iaitu hanya memberi fokus kepada amalan penerapan nilai pendidikan umum sahaja dibuat oleh pengkaji.

Batasan yang seterusnya adalah, pemilihan peserta kajian. Kajian ini dijalankan dengan memberi tumpuan yang mendalam kepada amalan guru matematik Tahun Lima dengan membuat pemerhatian terhadap perlakuan serta petuturan guru sewaktu menjalankan sesi pengajaran bilik darjah. Pengkaji melakukan pemerhatian proses pengajaran bilik darjah yang melibatkan proses temu bual, pemerhatian sesi pengajaran guru dan pengumpulan dokumen sokongan. Oleh yang demikian bilangan peserta kajian yang kecil dipilih untuk memenuhi keperluan kajian. Hasil dapatan